



**UNIT PELESENAN
MAJLIS DAERAH MARANG**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN
IKLAN / PAPAN TANDA DAN
PERMIT KAIN RENTANG / BANTING
MAJLIS DAERAH MARANG**

**BAHAGIAN KESIHATAN AWAM DAN
PELESENAN
MAJLIS DAERAH MARANG
21600 MARANG**

TEL: 09-6182366

EMEL: mdmarang@terengganu.gov.my

LAMAN SESAWANG: <http://mdmarang.gov.my/ms>

12 OKTOBER 2023 (BIL.1/2023)

1. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini menerangkan mengenai tatacara untuk memohon lesen iklan / papan tanda dan permit kain rentang / banting di daerah Marang.

2. OBJEKTIF PELESENAN DAN PERMIT

Objektif pelesenan dan permit ini adalah untuk memastikan iklan, kain rentang/banting yang dipamerkan di dalam kawasan Daerah Marang mempunyai lesen atau permit yang sah serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan merujuk kepada Undang-undang Kecil Iklan 1984 termasuk kandungan bahasa yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP). Selain itu, lesen dan permit ini adalah untuk memastikan pemasangan iklan, kain rentang dan banting ditempatkan di kawasan yang selamat serta tidak mengganggu kelancaran lalu lintas atau mengancam keselamatan pengguna jalan raya.

3. SKOP PELESENAN

Mana-mana aktiviti pemasangan iklan, kain rentang atau banting seperti berikut;

BIL	AKTIVITI	DEFINISI	CONTOH
1	Lesen Iklan	Iklan ialah apa-apa pemberitahuan atau penerbitan yang ditunjukkan kepada orang ramai untuk pemberitahuan pengeluaran atau peristiwa pada mana-mana tanah, rumah, bangunan atau jalan termasuk bumbung dan papantanda.	
2	Permit Kain Rentang	Kain rentang yang digunakan untuk menghebahkan sesuatu kegiatan, produk dan sebagainya yang diletakkan di tempat awam seperti di kerangka Majlis dan di hadapan premis	
3	Permit Banting	Rangkaian jalur kain dan sebagainya yang digunakan untuk menghebahkan sesuatu kegiatan, produk dan sebagainya yang diletakkan di tempat awam seperti tiang lampu	

4. ASAS PERUNDANGAN

Semua aktiviti iklan yang dilesenkan dan kain rentang/banting yang diberi permit adalah berdasarkan pada Undang-Undang Kecil yang diwartakan bagi digunapakai oleh Majlis Daerah Marang sebagaimana berikut;

4.1 Undang-Undang Kecil Iklan MDM 1984

5. LARANGAN PEMASANGAN IKLAN/ KAIN RENTANG/ BANTING DI LOKASI YANG TIDAK DIBENARKAN

5.1 Pemohon perlu mematuhi arahan MDM berkaitan kawasan larangan pemasangan iklan sebagaimana berikut;

BIL	KAWASAN LARANGAN PEMASANGAN
1	Pemasangan iklan kekal tidak dibenarkan diatas rezab jalan.
2	Pemasangan kain rentang / banting tidak dibenarkan di jambatan, pagar bangunan kerajaan, premis-premis awam (kemudahan awam) dan jejantas.
3	Pemasangan kain rentang / banting tidak dibenarkan pada dua (2) dua tiang pertama dari lampu isyarat (<i>traffic light</i>)
4	Pemasangan kain rentang / banting tidak dibenarkan pada 20 meter dari persimpangan jalan atau pusingan "U".
5	Pemasangan kain rentang / banting tidak dibenarkan di jalan-jalan utama (Jalan Persekutuan dan Negeri) pada bulan November, Disember, Januari dan Februari pada setiap tahun iaitu musim monsun untuk mengelakkan kemalangan jalan raya.

6. LOKASI DI BAWAH PENGURUSAN PBT

MDM menyediakan kawasan khas untuk pemasangan kain rentang di seluruh daerah marang sebagaimana berikut;

6.1 *Trafik Light* Bandar Marang

6.2 *Trafik Light* Padang Midin

6.3 *Trafik Light* Bukit Payong

7. SYARAT ASAS PERMOHONAN

Permohonan lesen iklan, permit kain rentang atau permit banting boleh dibuat oleh pemilik premis sebelum sebarang aktiviti dijalankan di premis dengan syarat sebagaimana berikut;

7.1 Pemilik mestilah Warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap

7.2 Pemilik mestilah berumur 18 tahun ke atas

7.3 Dokumen Asas

8. DOKUMEN ASAS DAN SOKONGAN PERMOHONAN


BIL	PERKARA	KEPERLUAN
1	Salinan Kad Pengenalan	1 salinan
2	Gambar berukuran <i>passport</i> (untuk permohonan individu)	2 keping
3	Salinan Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Perniagaan) dan Borang D (Perakuan Pendaftaran Perniagaan mengikut Ordinan Pendaftaran Perniagaan 1956).	1 salinan
4	Salinan geran tanah / surat perjanjian/ kebenaran tuan punya premis/ tanah (jika tanah milik)	1 salinan
5	Salinan contoh paparan visual iklan (tulisan jawi)	1 salinan

9. KAEDAH PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN & IKLAN


Muat Turun Borang	Muat turun borang (Bahagian Pelesenan) dalam laman web MDM http://mdmarang.gov.my/ms/mdm/sumber/muat-turun-borang/borang-perlesenan dan serahkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di kaunter (3) Pelesenan,MDM.
Manual (Borang permohonan boleh didapati di kaunter Pelesenan, Pejabat MDM dan serahkan borang permohonan yang lengkap beserta dokumen lampiran secara manual di kaunter Pelesenan,MDM)	Kaunter Pelesenan Majlis Daerah Marang 21600 Marang Terengganu Waktu Operasi Kaunter: Ahad-Rabu 8.00 pagi – 4.30 petang Khamis 8.00 pagi – 3.00 petang No tel : 09-618 2366 / 09-618 2368 Faks : 09-618 2490 E-mail : mdmarang@terengganu.gov.my Website : http://mdmarang.gov.my/

10. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN / PERMIT

10.1 Permohonan Lesen Iklan / Papan Tanda



10.2 Permohonan Permit Kain Rentang / Banting



Nota: Permit Kain Rentang / Banting dikecualikan kepada pemohon kerajaan dan hanya dikenakan bayaran pelekat.

11. PIAGAM PELANGGAN KEPUTUSAN PERMOHONAN

BIL	PIAGAM PELANGGAN	TEMPOH
1	Tempoh proses permohonan lesen iklan / papan tanda	Kelulusan 1 hari
2	Tempoh proses permohonan permit kain rentang / banting	Kelulusan serta-merta dari permohonan lengkap diterima

12. SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN / PAPAN TANDA DAN PERMIT KAIN RENTANG / BANTING

BIL	PERKARA
1	Perkataan / bahasa pada iklan / papan tanda / kain rentang / banting hendaklah dalam Bahasa Malaysia. Jika terjemahan ke bahasa-bahasan lain hendak digunakan ianya mestilah tidak melebihi dari kadar ½ tulisan dalam Bahasa Malaysia dan perkataan hendaklah ditulis dengan ejaan yang betul.
2	Tulisan Jawi hendaklah berada di atas lain-lain tulisan yang terdapat pada iklan / papan tanda / kain rentang / banting.
3	Perlu meletakkan nombor rujukan pada bahagian bawah sebelah kanan iklan / papan tanda yang hendak dipamerkan contoh; MDM384/23/2013.
4	Pelekat (<i>sticker</i>) hendaklah ditampal disudut sebelah kanan bahagian bawah pada setiap helai kain rentang / banting.
5	Pemohon hendaklah memastikan kain rentang / banting diikat dengan kemas supaya tidak mudah tertanggal.
6	Kain rentang / banting hendaklah diturunkan oleh pemohon / wakil pemohon dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh tamat tempoh permit.

12.1 Tempoh kelulusan / tempoh yang dibenarkan

12.1.1 Lesen Iklan / Papan tanda sah selama 1 tahun atau hingga 31 Disember setiap tahun.

12.1.2 Permit kain rentang / banting diluluskan maksimum 1 bulan.

12.2 Syarat-syarat lesen iklan / papan tanda



SYARAT-SYARAT LESEN IKLAN

1. Setiap iklan hendaklah menggunakan Tulisan Jawi dan Bahasa Malaysia. Tulisan lain-lain bahasa boleh digunakan bersekali dengan Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia hendaklah digunakan dengan betul dari segi ejaan, tulisan, tatabahasa, terjemahan dan lain-lain.
2. Tulisan Bahasa Malaysia hendaklah ditulis di bahagian atas sekali tanpa ada apa-apa tulisan lain di bahagian itu, kecuali jika tulisan jawi digunakan. Tulisan jawi hendaklah ditulis di atas daripada perkataan Bahasa Malaysia. Tulisan Bahasa Malaysia hendaklah lebih besar dan menggunakan warna yang lebih terang daripada bahasa-bahasa lain.
3. Tiada seorang pun boleh menggunakan perkataan-perkataan “**Halal**”, “**Ditanggung Halal**” atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan yang dimaksudkan oleh iklan itu adalah halal bagi orang Islam memakannya melainkan orang itu telah mendapat kelulusan secara bertulis daripada Yang Di Pertua Majlis.
4. Pelesen hendaklah mempamerkan lesen pada setiap masa disuatu tempat yang jelas kelihatan di dalam premis yang dilesenkan bagi tujuan pemeriksaan.
5. Apabila sesuatu lesen dibatalkan pelesen hendaklah memindahkan iklan itu dalam tempoh 14 hari dari notis diterima.
6. Lesen tidak boleh dipindah milik kecuali dengan mendapatkan kebenaran dari Yang Di Pertua Majlis.
7. Yang Di Pertua Majlis boleh mengeluarkan notis supaya meminta pelesen membaiki mengecat semula atau memindahkan iklan atau apa-apa struktur binaannya.
8. Pelesen dikehendaki meletakkan **No. Rujukan (contoh : MDM 384/62/09)** pada **bahagian bawah sebelah kanan** pada papan tanda/ iklan yang di pameran.
9. Pelesen tidak dibenarkan memasang papan tanda/iklan pada rezab jalan.

12.3 Syarat-syarat permit kain rentang / banting



**UNIT PELESENAN
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN PELESENAN
MAJLIS DAERAH MARANG**

SYARAT-SYARAT PEMASANGAN KAIN RENTANG/BANTING

1. Bayaran yang dikenakan :-

PERKARA	BAYARAN
Permit kain Rentang	1 Unit =RM20.00/Bulan
Permit Banting	1 Unit =RM1.00/Bulan
Pelekat (Sticker)	RM3.00/ Unit

2. Pelekat (*sticker*) hendaklah ditampal disudut sebelah kanan bahagian bawah pada setiap helai kain rentang/ banting.
3. Setiap kain rentang/Banting hendaklah menggunakan tulisan jawi dan ditulis dibahagian atas sekali tanpa ada apa-apa tulisan lain di bahagian tersebut.
4. Perkataan/bahasa pada kain rentang/banting hendaklah dalam bahasa Malaysia. Jika terjemahan ke bahasa-bahasa lain hendak digunakan, ianya mestilah tidak melebihi dari kadar $\frac{1}{2}$ tulisan dalam bahasa Malaysia dan perkataan hendaklah ditulis dengan ejaan yang betul.
5. Pemohon hendaklah memastikan kain rentang/banting diikat dengan kemas supaya tidak mudah tertanggal.
6. Kain rentang/ banting hendaklah diturunkan oleh pemohon/wakil pemohon dalam tempoh tiga (3) hari daripada tarikh tamat tempoh permit.
7. Tidak dibenarkan pemasangan kain rentang/banting pada dua (2) tiang pertama dari lampu isyarat (*traffic light*).
8. Tidak dibenarkan pemasangan kain rentang/banting pada 20 meter dari persimpangan jalan atau pusingan 'U' serta di sepanjang jambatan.
9. Tidak dibenarkan pemasangan banting di jalan-jalan utama (Jalan Persekutuan dan Negeri) pada bulan November, Disember, Januari dan Februari.
10. Majlis Daerah Marang tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan/kerosakan pada kain rentang/banting.

13. BAYARAN DAN FI LESEN / PERMIT

13.1 Bayaran Asas Permohonan Lesen / Permit

BIL	ITEM	FI (RM)	KAEDAH PEMBAYARAN
1	Bayaran Proses Permohonan Lesen / Permit	2.00	Tunai, Debit, Cek, Imbasan QR Kod, <i>Online Banking/ Elektronik Funds Transfer (EFT)</i>
2	Bayaran Borang Permohonan Lesen / Permit	2.00	
6	Fi Iklan	Ditetapkan mengikut jenis dan saiz papan iklan	

13.2 Bayaran Fi Iklan

BIL	JENIS	KELUASAN	FI LESEN (RM)
1	Iklan Tidak Bersinar Jawi	<9mps	25.00/setahun
		Tambahan setiap 1mps	5.00/setahun
2	Iklan Bersinar Jawi	<9mps	40.00/setahun
		Tambahan setiap 1mps	8.00/setahun
3	Permit Kain Rentang	1 Unit	20.00/bulan
4	Permit Banting	1 Unit	1.00/bulan
5	Pelekat	1 Unit	3.00/unit

13.3 Fi Lesen Mengikut UUK Lesen Iklan

JADUAL KETIGA
(Undang-Undang Kecil 7 dan 9)
MAJLIS DAERAH MARANG

Ruang Pertama Jenis Iklan	Ruang Kedua Bayaran yang Kena Dibayar	
	S	c.
(i) Iklan tak bersinar:		
(a) Bagi tiap-tiap sembilan meter persegi atau kurang <i>07/10/2011</i>	50	00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan	5	00
Iklan bersinar:		
(a) Bagi tiap-tiap sembilan meter persegi atau kurang	80	00
(b) Bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada sembilan meter persegi diukur meliputi luas untuk pertunjukan iklan	8	00
(ii) Jika topangan permukaanya lebih daripada ruangan yang digunakan untuk menunjukkan iklan bagi tiap-tiap satu meter persegi atau sebahagian daripada satu meter persegi yang lebih daripada ruangan itu	5	00

14. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Output	Lesen/Permit Penjaja
Kaedah penyampaian keputusan kepada pemohon	Pengambilan di Kaunter Unit Pelesenan MDM
	Pos

15. BORANG PERMOHONAN

15.1 Lesen Iklan / Papan Tanda

<p style="text-align: center;">Untuk Kegunaan Pejabat</p> <p>Borang : RM 2.00</p> <p>No. Resit : _____</p> <p>Tarikh : _____</p> <p>Proses : RM 2.00</p> <p>No. Resit : _____</p> <p>Tarikh : _____</p>	 <p>PEJABAT MAJLIS DAERAH NARANG 21000 NARANG TERENGGANU TEL : 09-6182366/ 6182368 FAX : 09-6182490</p>	<p style="text-align: center;">PK-BPBP-04-R1</p> <div style="border: 1px solid black; height: 100px; margin: 10px auto; width: 80%; text-align: center; vertical-align: middle;"> <p>GAMBAR</p> </div>
--	---	--

BORANG PERMOHONAN LESEN IKLAN / PAPAN TANDA

1. Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap, terang (dengan huruf besar) dan jelas.
2. Kembalikan borang ini beserta dokumen berikut :
 - a) Dua (2) keping gambar berukuran pasport (jika permohonan individu).
 - b) Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon.
 - c) Satu (1) salinan Daftar Perniagaan.
 - d) Satu (1) salinan contoh paparan visual iklan/ papan tanda.
 - e) Satu (1) salinan geran tanah/ surat perjanjian/ kebenaran tuan punya premis/ tanah (jika tanah milik).

1. Nama Pemohon : _____
2. Kad Pengenalan : _____
3. Nama Perniagaan (Jika Ada) : _____
4. Alamat Surat - Menyurat : _____
5. No. Telefon : _____
6. Maklumat Iklan/ Papan Tanda : _____


BIL.	Ukuran	*Bersinar		*Tulisan Jawi		Lokasi Pemasangan (Dipremis / Pagar / Diatas Tanah Milik)
		Ya	Tidak	Ya	Tidak	
i.	____m x ____m					
ii.	____m x ____m					
iii.	____m x ____m					
iv.	____m x ____m					
v.	____m x ____m					

*Sila tandakan (/) pada petak yang berkenaan

Nota :

- a) Papan tanda/iklan yang dipamer hendaklah mempunyai Bahasa Melayu disamping lain-lain bahasa.
- b) Tulisan jawi hendaklah berada di atas lain-lain tulisan yang terdapat pada papan tanda/iklan.
- c) Perlu meletakkan No. Rujukan pada bahagian bawah sebelah kanan papan tanda yang hendak dipamer, contoh : MDH 384/23/2013.

7. Pelan Lokasi Iklan/ Papan Tanda :



Saya / kami berikrar bahawa iklan/ papan tanda yang dicadangkan itu tidak akan dipamerkan sehingga suatu lesen dikeluarkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Marang.

(Tandatangan Tuan Punya Premis/ Tanah)

(Tandatangan Pemohon)

Tarikh : _____

15.2 Permit Kain Rentang / Banting

Untuk Kegunaan Pejabat	
Borang :	RM 2.00
No. Surat	_____
Tarikh	_____
Proses :	RM 2.00
No. Rosak	_____
Tarikh	_____



PEJABAT MAJLIS DAERAH MARANG
21600 MARANG
TERENGGANU
TEL : 09-6182366/ 6182368
FAX : 09-6182490

Untuk Kegunaan Pemohon	
Bayaran :	RM _____
No. Rajut	_____
Tarikh	_____
No. Pelekat (Sticker)	_____
Dari	_____
Hingga	_____

BORANG PERMOHONAN PERMIT KAIN RENTANG/ BANTING

- Borang ini hendaklah diisi dengan lengkap, terang (dengan huruf besar) dan jelas.
- Kembalikan borang ini beserta dokumen berikut :
 - Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon.
 - Satu (1) salinan Daftar Pemiagaan.
 - Satu (1) salinan contoh paparan visual kain rentang/ banting.
- Kawasan larangan pemasangan kain rentang/ banting :
 - Jambatan.
 - Pagar bangunan kerajaan.
 - Premis-premis awam (kemudahan awam).
 - Jejantas.

- Nama Pemohon : _____
- Kad Pengenalan : _____
- Nama Pemiagaan (Jika Ada) : _____
- Alamat Surat Menyurat : _____
- No. Telefon : _____
- Maklumat kain rentang/ banting : _____

Bil.	Ukuran	Bil. Unit	*Kain Rentang	*Banting	Tempoh pemasangan	Lokasi Pemasangan
i.	____m x ____m				_____ hingga _____	
ii.	____m x ____m				_____ hingga _____	
iii.	____m x ____m				_____ hingga _____	
iv.	____m x ____m				_____ hingga _____	

*Nota : Sila tandai (/) pada petak yang berkaitan.

Saya / kami berikar: bahawa kain rentang/ banting yang disediakan itu tidak akan dipamerkan sehingga suatu permit dikeluarkan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Marang.

(Tandatangan Pemohon)

(Tarikh)

Masa hantar borang : _____
Masa membuat bayaran (jikalau) : _____
Tempoh masa : _____ minit